

Pandangan Ulama Terhadap Karya dan Ketokohan Muhammad bin Ishaq

WAN KAMAL MUJANI

ABSTRAK

Muhammad bin Ishaq atau Ibn Ishaq adalah tokoh sejarawan yang terkenal dan terkemuka dalam dunia pensejarahan awal Islam. Beliau telah mengorak langkah merintis kaedah pensejarahan yang lebih bersistematik dan seterusnya membawa penulisan Sirah dan Maghazi ke tahap kemuncaknya yang menjadi sumber rujukan utama kepada para sejarawan terkemudian. Keupayaan Ibn Ishaq lebih terserlah jika dibandingkan dengan sejarawan-sejarawan terdahulu dari perspektif pengetahuannya yang lebih universal, kemampuannya menghimpunkan maklumat-maklumat daripada pelbagai sumber dan kebolehannya menyusun dengan baik data-data yang telah dikumpulkan. Penulisan beliau yang bertajuk Kitab al-Mubtada' wa al-Mab'ath wa al-Maghazi memperlihatkan hasil pemahamannya yang lebih luas mengenai Sirah dan Maghazi berbanding dengan karya-karya yang lebih awal dan sezaman. Ini kerana ia merangkumi sejarah para nabi sebagai pendahuluan dan perihal para sahabat yang disusun berdasarkan metodologi penulisan yang lebih terancang dan menarik. Meskipun Ibn Ishaq menerima kecaman hebat daripada sebilangan ulama hadis tetapi sumbangan dan peranan beliau dalam perkembangan bidang pensejarahan Islam adalah sesuatu yang tidak dinafikan apabila mendapat pengiktirafan Muhammad bin Muslim al-Zuhri dan Muhammad bin Idris al-Shafi'e. Dakwaan dan tohmahan yang mempertikaikan kewibawaan Ibn Ishaq juga memerlukan kepada penilaian semula kerana sebahagian besar tokoh ulama hadis yang lain telah mengambil sikap memihak dan mempertahankan beliau.

ABSTRACT

Muhammad bin Ishaq or Ibn Ishaq is one of the most distinguished and prominent historian in the beginning of the Islamic historiography. He was the great pioneer in the systematic methodology of historiography. He tremendously brought the writings of Sirah and Maghazi to the highest position. His writings was at the meantime regarded as the primary source for the later historians. He was very learned and possessed the most outstanding ability especially in compiling information from various sources and his ability in arranging the compiled data. Thus these invaluable skills earned him as top

historian compared to those of the earlier historians. His book on Kitab al-Mubtada' wa al-Mab'ath wa al-Maghazi mirrors his comprehensive understanding pertaining to the Sirah and Maghazi compared to the earlier writers and those of the same period. This was due to the fact that the particular book consisted of the history of the prophet in the preface and of the history of the companions which were beautifully arranged according to standard methodology of writing. Even though Ibn Ishaq received great criticisms from some of the Muhadithin, his contributions and role played in developing the field of Islamic historiography were considered as one of the most undeniable fact when he obtained recognition from Muhammad bin Muslim al-Zuhri and Muhammad bin Idris al-Shaf'i. Since most of the hadith scholars were in favour of him, those allegations which question his authority need to be reassessed.

PENDAHULUAN

Muhammad bin Ishaq bin Yasar bin Khiyar adalah bekas hamba kepada keluarga Qays bin Makhramah bin al-Muttalib bin 'Abd Manaf bin Qusay. Beliau digelar Abu Bakr atau Abu 'Abd 'Allah (al-Mizzi 1992: 405). Pendapat yang tepat menyatakan beliau dilahirkan pada tahun 85 Hijrah di Madinah (al-Suhayli 1967: 21). Datuknya, Yasar bin Khiyar adalah tahanan Kisra di gereja 'Ayn al-Tamr. Gereja tersebut kemudiannya telah dikuasai oleh Khalid bin al-Walid pada tahun 12 Hijrah semasa pemerintahan Khalifah Abu Bakr al-Siddiq. Ketika itu Yasar masih lagi kanak-kanak dan bersama-sama tawanan lain beliau dibawa ke Madinah (Ibn. Hisham t. th., 14). Ayahnya pula, Ishaq bin Yasar telah berkahwin dengan anak perempuan Sabih iaitu hamba kepada Huwaytib bin 'Abd al-'Uzza. Ibn Ishaq (1981, 18) mempunyai dua orang adik, iaitu Abu Bakr dan 'Umar.

Sejak usia yang masih muda lagi, Ibn Ishaq telah menumpukan perhatian mempelajari dan meriwayatkan hadis. Sebahagian besar daripada masanya diperuntukkan mendampingi ayah serta dua orang bapa saudaranya, iaitu Musa bin Yasar dan 'Abd al-Rahman bin Yasar. Mereka adalah ulama yang terkenal dalam pelbagai bidang keilmuan seperti puisi, fikah, hadis, Maghazi, perihal bangsa Arab dan keturunannya (al-Hamawi 1938: 5). Ibn Ishaq juga belajar daripada tokoh-tokoh sejarawan Madinah yang terkemuka seperti Abban bin 'Uthman bin 'Affan, al-Qasim bin Muhammad bin Abi Bakr, 'Asim bin 'Umar bin Qatadah, Muhammad bin Muslim al-Zuhri, Yazid bin Ruman, 'Abd 'Allah bin Abi Bakr bin Hazm, Musa bin 'Uqbah dan al-Mughirah bin Labid. Keadaan ini secara langsung telah membentuk beliau menjadi seorang yang arif dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan terutamanya mengenai Sirah dan Maghazi Rasulullah s.a.w. (Lewis & Pellat 1971: 810).

Selepas tinggal di Madinah selama lebih kurang 30 tahun, Ibn Ishaq berhijrah ke beberapa tempat lain. Pada tahun 115 Hijrah beliau telah ke

Iskandariyyah dan di situ beberapa tokoh ulama Mesir seperti Yazid bin Abi Habib dan Qays bin Abi Yazid telah meriwayatkan hadis-hadis daripadanya (Ibn Hisham t.th.. 14). Ibn Ishaq seterusnya berhijrah ke Kufah, Jazirah, Rayy dan akhir sekali ke Baghdad. Kekerapan penghijrahan Ibn Ishaq menyebabkan periwayat-periwayat beliau lebih ramai di luar Madinah. Hanya Ibrahim bin Sa'd sahaja dari Madinah yang meriwayatkan Sirah dan Maghazi daripada beliau. Ibn Ishaq juga mempunyai hubungan yang baik dengan salah seorang pemerintah kerajaan ^cAbbasiyah, iaitu Khalifah Abu Ja^cfar al-Mansur (Ibn Khallikan 1972: 277).

Terdapat perselisihan pendapat di kalangan ulama mengenai tarikh kewafatan Ibn Ishaq, iaitu di antara tahun 150 Hijrah sehingga tahun 154 Hijrah. Bagaimanapun, al-Dhahabi dan Ibn Khallikan menyatakan bahawa tahun 151 Hijrah adalah lebih tepat. Ibn Ishaq wafat di Baghdad pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Ja^cfar al-Mansur dan dikebumikan di perkuburan al-Khayzuran (al-Hamawi 1938, 411).

KETOKOHAN IBN ISHAQ DALAM BIDANG PENSEJARAHAN

Ibn Ishaq adalah sejarawan aliran Madinah yang terkenal dan terkemuka. Melalui tapak dan asas yang telah disediakan oleh ^cUrwah bin al-Zubayr dan Muhammad bin Muslim al-Zuhri, Ibn Ishaq mengorak langkah merintis penulisan yang lebih teratur dan bermutu. Melalui penulisan beliau, pensejarahan Islam telah berkembang pesat dan mencapai tahap yang tinggi (Mustafa 1979: 16). Meskipun Ibn Ishaq menerima kecaman hebat daripada ulama hadis, tetapi sumbangan dan peranan beliau terhadap dunia pensejarahan Islam tidak dapat dinafikan. Sesungguhnya pengetahuan Ibn Ishaq dalam bidang Sirah dan Maghazi Rasulullah s.a.w. telah mendapat pengiktirafan sebilangan besar ulama terkemuka. Muhammad bin Muslim al-Zuhri menyebut: *من أراد المغازي فعليه باب أنسحاق* (Imam Muhammad bin Idris al-Shafi^ce menyatakan: من أراد أن ينتحر في المغازي فهو عيال على ابن انسحاق) (Ibn. Khallikan 1972: 276). Keunggulan dan keilmuan Ibn Ishaq dalam bidang tersebut tidak dipertikaikan sebagaimana yang tercatat dalam kitab-kitab al-Tarajim. Al-Khatib al-Baghdadi (t.th., 215) menyifatkan beliau: *وكان عالما بالسير والمغازي وأيام الناس،* Al-Dhahabi (1971: 552) mencatatkan: *وأحسار المتداeu، وقصص الأنبياء* and dalam riwayat lain: *أحد الأعلام، صدوق قوى الحديث، إمام لاسيمما في السير* (al-Dhahabi 1956, 173). Ibn Ishaq lebih terserlah jika dibandingkan dengan sejarawan-sejarawan terdahulu dari segi pengetahuannya yang lebih universal, kemampuannya menghimpun maklumat-maklumat daripada pelbagai sumber dan keupayaannya menyusun dengan baik data-data yang telah dikumpulkan.

KITAB AL-MUBTADA' WA AL-MAB^CATH WA AL-MAGHAZI

Kitab al-Mubtada' wa al-Mab^cath wa al-Maghazi yang juga dikenali sebagai *Kitab al-Sirah wa al-Mubtada wa al-Maghazi* adalah hasil karya Ibn Ishaq yang sangat terkenal mengenai Sirah dan Maghazi Rasulullah s.a.w. (Ibn al-Nadim 1985, 184). Ini disebabkan kandungannya merangkumi sejarah para nabi dengan panjang lebar sebagai pendahuluan serta mengandungi perihal para sahabat dan telah disusun berdasarkan metodologi penulisan yang lebih terancang dan menarik (Gibb 1964, 148). Meskipun demikian, kitab ini hanya sampai kepada generasi sekarang melalui petikan-petikan yang banyak diambil dan diolah semula oleh ^cAbd al-Malik bin Hisham dalam kitabnya *al-Sirah al-Nabawiyah*. Abu Ja^cfar Muhammad bin Jarir al-Tabari turut menjadikan riwayat-riwayat Ibn Ishaq sebagai sebahagian sumber penulisannya mengenai riwayat hidup Nabī Muhammad s.a.w. dalam *Kitab Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*.

Menurut al-Khatib al-Baghdadi (t.th., 221), Ibn Ishaq menganjurkan kitab ini untuk al-Mahdi dengan perintah Khalifah al-Mansur yang mengarahkannya berbuat demikian: *إذْهَبْ فَصَنْفِ لَهُ كَيْانًا مَنْدَ حَلْقِ اللَّهِ تَعَالَى اَدْمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ اَلِيْ يَوْمِكَ هَذَا* Josef Horovitz (1927, 172-173) pula berpendapat bahawa Ibn Ishaq menulis kitab tersebut bukanlah disebabkan arahan Khalifah al-Mansur kerana ia ditulis ketika beliau masih berada di Madinah lagi. Ini berdasarkan keseluruhan riwayat yang diambil oleh Ibn Ishaq adalah daripada sumber Madinah serta Mesir dan tiada satupun riwayat daripada sumber Iraq.

Kitab yang dihasilkan oleh Ibn Ishaq ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu: al-Mubtada', al-Mab^cath, al-Maghazi (Kashif 1983: 38).

Al-Mubtada' Meliputi sejarah zaman pra-Islam yang bermula daripada kejadian alam. Bahagian ini boleh dibahagi kepada 4 fasal iaitu;

1. *Fasal pertama:* Sejarah perutusan nabi-nabi yang dimulai dengan penciptaan alam sehingga Nabi ^cIsa a.s. Ibn Ishaq turut mencatatkan kisah-kisah umat terdahulu seperti kaum ^cAd, Thamud, Tasm dan Jadis. Dalam fasal ini beliau banyak merujuk kepada ^cAbd 'Allah bin ^cAbbas dan Wahb bin Munabbih serta maklumat-maklumat daripada Ahl al-Kitab di samping merujuk kepada al-Qur'an.
2. *Fasal kedua:* Sejarah Yaman pada zaman Jahiliyyah. Catatan ini dititikberatkan oleh Ibn Ishaq kerana terdapat beberapa maklumat mengenainya yang disebut dalam al-Qur'an seperti Ashab al-'Ukhdud dan Ashab al-Fil. Ibn Hisham dan al-Tabari telah mencatat dan merekodkan sebahagian daripada fasal kedua ini (Nassar 1966: 226).
3. *Fasal ketiga:* Sejarah suku-suku Arab dan penyembahan berhala oleh mereka sebelum kedatangan Islam.

4. *Fasal keempat:* Catatan tentang keturunan Nabi Muhammad s.a.w. serta anutan kefahaman dan bidang keagamaan penduduk Makkah (Rayan 1986, 187).

Kebanyakan maklumat daripada bahagian al-Mubtada' tidak diambil oleh Ibn Hisham tetapi al-Tabari mencatatkan sebahagian besar daripadanya terutama riwayat-riwayat yang berkaitan dengan sejarah para nabi. Dalam bahagian ini, Ibn Ishaq tidak begitu prihatin terhadap kaedah *isnad* terutamanya dalam fasal pertama.

Al-Mab'ath Bahagian ini meliputi riwayat hidup Nabi Muhammad s.a.w. di Makkah sehingga tahun pertama Hijrah. Ibn Ishaq turut mencatatkan senarai nama tertentu, seperti golongan para sahabat yang awal memeluk Islam, para sahabat yang berhijrah ke Habashah, para sahabat yang menghadiri perjanjian al-^cAqabah dan para sahabat daripada golongan Muhibbin dan Ansar yang dipersaudarakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Dalam bahagian ini, Ibn Ishaq lebih menitikberatkan *isnad* dan kebanyakannya riwayat diambil daripada sumber Madinah. Beliau turut merujuk kepada sumber-sumber bertulis seperti surat perjanjian antara Nabi Muhammad s.a.w. dengan suku-suku Arab yang menetap di Madinah untuk mengadakan pakatan kerjasama di antara mereka. Keseluruhan peristiwa dalam bahagian ini disusun secara kronologi (Horovitz 1927: 175).

Al-Maghazi Bahagian ini meliputi riwayat hidup Rasulullah s.a.w. di Madinah sehingga kewafatan baginda termasuk peperangan-peperangan yang disertai olehnya. Turut dicatatkan ialah senarai nama mereka yang terlibat dalam beberapa peperangan seperti golongan Ansar dan Muhibbin yang menyertai perang Badr, golongan Musyrikin yang ditawan dalam peperangan tersebut, tentera Islam yang syahid dalam perang Uhud dan tentera Musyrikin yang terbunuh dalam peperangan tersebut (Guillaume t. th.. 327-320). Kebanyakannya riwayat disebut *isnadnya*. Ibn Ishaq mengambil riwayat-riwayat tersebut dari sumber Madinah terutamanya daripada ^cAsim bin ^cUmar bin Qatadah, al-Zuhri dan ^cAbd. 'Allah bin Abi Bakr bin Hazm. Beliau menyusun peristiwa-peristiwa dalam bahagian ini secara kronologi.

Secara keseluruhannya dapat dinyatakan bahawa Ibn Ishaq telah mengaplikasi gaya bahasa penulisan para ahli hadis yang mementingkan sebutan *isnad* dan para pengisah yang tidak menitikberatkan *isnad* (Abu Dayf 1987: 54). Beliau turut menggabungkan di antara riwayat-riwayat hadis dan riwayat-riwayat yang berunsur *Isra'iliyyat* serta kisah-kisah rakyat dan menyelanginya dengan puisi. Dengan ini penulisan Ibn Ishaq lebih komprehensif kerana merangkumi pelbagai maklumat daripada sumber Islam dan bukan Islam (al-Duri 1960: 28). Ibn Ishaq juga menyusun peristiwa-peristiwa berdasarkan kronologi dan di antaranya wujud kesinambungan plot penceritaan (Amin t. th.. 332).

Walaupun Ibn Ishaq telah berusaha menghasilkan penulisan yang sebaik mungkin, tetapi masih terdapat di kalangan sarjana yang mengkritik karyanya dari beberapa sudut:

1. Beliau banyak mengambil sumber-sumber Ahl al-Kitab yang terdiri daripada golongan Yahudi dan Nasrani.
2. Beliau tidak menitikberatkan penggunaan *isnad* dalam meriwayatkan sesuatu peristiwa (Kahhalah 1972: 25-26).
3. Beliau mencatatkan puisi tanpa membezakan antara yang benar dan palsu di samping tidak menyatakan pemuisinya (Ibn al-Nadim 1985: 183).

Kritikan pertama dapat disangkal dengan hujah bahawa pengambilan sumber-sumber daripada Ahl al-Kitab sememangnya tidak dapat dielakkan kerana mereka mempunyai banyak maklumat tentang perkara-perkara tertentu seperti kisah para nabi. Ini tidak hanya berlaku dalam bidang sejarah, malah termasuk dalam bidang tafsir sebagaimana yang dilakukan oleh ^cAbd 'Allah bin ^cAbbas. ^cUrwah bin al-Zubayr tokoh sejarawan dan juga ahli hadis terkenal telah mendahului Ibn Ishaq dengan mengambil maklumat-maklumat yang berunsurkan *Isra'iliyyat* ketika beliau membicarakan kisah perjalanan Nabi Musa a.s. ke Baitulmaqdis (al-Tabari 1991, 248). Begitu juga dengan al-Zuhri yang memetik riwayat-riwayat yang bersadur *Isra'iliyyat* semasa mencatatkan peristiwa ujian Allah s.w.t. terhadap Nabi Ibrahim a.s. supaya mengorbankan anaknya, Isma'il a.s. (al-Tabari 1964: 292-294). al-Dhahabi (1953, 470) turut mengulas kenyataan Ibn Abi Fudayk yang mengkritik penulisan Ibn Ishaq yang banyak mengambil sumber-sumber Ahl al-Kitab dengan menjelaskan:

ما المانع من روایة الإسرائیلیات عن أهل الكتاب مع قوله صلی الله علیه وسلم؛ حدثنا عن بنی إسرائیل ولا حرج، وقال؛ إذا حدثکم أهل الكتاب فلا تصدقوهم ولا تكذبواهم؛ فهذا إذن بحوى في حواز سماع ما يأثرونہ في الجملة، كما سمع منهم ما ينقولوه من الطبع، ولا حجۃ في شيء من ذلك، إنما الحجۃ في الكتاب و السنة

Kritikan kedua terjawab melalui kajian secara mendalam terhadap karya ini kerana ia membuktikan bahawa Ibn Ishaq sebenarnya telah menggunakan metod penulisan yang sempurna ketika menyampaikan riwayat-riwayatnya. Ketelitian penggunaan *isnad* beliau adalah berbeza berdasarkan zaman, kategori dan kepentingan riwayat-riwayat yang dicatatkan. Dalam bahagian *al-Mubtada'* yang membicarakan sejarah lampau yang tidak begitu diketahui ketepatannya dan tiada kaitan dengan Nabi Muhammad s.a.w. atau keluarga baginda, Ibn Ishaq tidak menitikberatkan ketelitian penggunaan *isnad*. Kebanyakan *isnadnya* adalah bersifat *Maqtu'* Sebagai contoh ketika membicarakan perkembangan agama Kristian di Najran, beliau hanya menyebutkan: حدثى المعيرة بن أبي لبید عن وهب بن مسءة أنه حدثهم: ... (Ibn Hisham t. th.. 31). Di sini Ibn Ishaq tidak

menyatakan secara terperinci daripada siapa Wahb bin Munabbih mengambil riwayat tersebut.

Bagaimanapun, ketika meriwayatkan peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan Nabi Muhammad s.a.w. atau keluarga baginda, Ibn Ishaq semakin teliti dalam penggunaan *isnadnya* seperti dalam kisah penggalian telaga Zamzam:

قال ابن إسحاق؛ وكان أول ما تدئء به عند المطلب من حمرها، كما حدثني يزيد بن حبيب المصري عن مرثد بن عبد الله البيري عن عبد الله بن رير الغافقي؛ أنه سمع على بن أبي طالب يحدث حديثاً رمزاً حين أمر عبد المطلب بمحرها قال؛ . . .

Dapat diperhatikan *isnad* Ibn Ishaq terhenti kepada ^cAli bin Abi Talib yang lebih hampir zamannya dan lebih dekat hubungan kekeluarganya dengan sumber asal riwayat iaitu ^cAbd al-Muttalib.

Ketelitian Ibn Ishaq dalam penggunaan *isnad* mencapai tahap maksimum apabila beliau membicarakan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman Islam yang melibatkan Nabi Muhammad s.a.w. sendiri, seperti peristiwa perlantikan baginda menjadi Rasul:

قال ابن اسحاق؛ فذكر الزهرى عن عروة بن الزبير: عن عائشة رضى الله عنها أنها حدثته، إن أول ما بدأ به رسول الله . . . من النبوة . . .

Di sini *isnad* Ibn Ishaq terhenti kepada ^cA'ishah yang semasa dengan Nabi Muhammad s.a.w. Meskipun demikian dalam peristiwa-peristiwa peperangan, Ibn Ishaq lebih cenderung kepada penggunaan *Isnad Jam'i* yang bertujuan untuk meringkaskan rangkaian periyawat-periyawat. Ini dapat dilihat dalam peristiwa peperangan Banu al-Mustaliq:

عبد الله بن أبي بكر ومحمد بن يحيى بن حاد، وكل قد حدثني حديث سى المصطلق؛ . . .
Beliau juga didapati menyebut dua *isnad* yang berbeza bagi sesuatu peristiwa untuk menguatkan lagi riwayat-riwayat tersebut seperti dalam peristiwa “Hadith al-'Ifk” (Ibn Hisham t.th.. 142, 234, 290, 297).

Mengenai puisi yang dipertikaikan kesahihannya, Ibn Ishaq sendiri telah mengakui hal tersebut sebagaimana yang dicatatkan oleh Ibn Salam:

وكان يعتذر منها ويقول لا علم لي بالشعر إنما أؤتي به فأحمله، (al-) (al-'Asad 1982, 336).
Tambahan pula tidak keseluruhan puisi yang disebutkan adalah palsu dan tujuan utama Ibn Ishaq mencatatkannya bukanlah untuk menjadi bukti bagi kebenaran sesuatu peristiwa, tetapi sebagai salah satu bentuk penghibur dan daya penarik dalam penulisannya. Ini kerana selitan puisi dalam cerita menjadi salah satu tradisi kesenian bagi masyarakat Arab seperti mana yang terdapat dalam Ayyam al-^cArab (Adham 1974, 20).

Meskipun karya Ibn Ishaq mendapat kritikan, tetapi ia tetap mempunyai reputasi yang hebat di kalangan sejarawan terkemudian. Antara mereka yang meriwayatkan kitab ini ialah Ziyad bin ^cAbd 'Allah al-Bakka'i (w.183H.) (Ibn Hajar al-^cAsqalani 1970, 376), Ibrahim bin Sa'd (w.184H.), Salamah bin al-Fadl (w.191H.), Yunus bin Bukayr (w.199H.) dan Wahb bin Jarir bin Hazim (w. 206H.) (al-Dhahabi 1985, 42).

Selain daripada *Kitab al-Mubtada' wa al-Mab'ath wa al-Maghazi*, Ibn Ishaq juga dikatakan telah menulis sebuah karya yang berjudul *Kitab al-Khulafa'* (Ibn al-Nadim 1985, 184). Meskipun demikian, kitab ini tidak sampai kepada generasi sekarang kecuali beberapa petikan yang diambil oleh al-Tabari tentang peristiwa-peristiwa pada zaman Khulafa' al-Rashidin, terutamanya pada zaman Khalifah 'Uthman bin 'Affan dan beberapa peristiwa pada zaman kerajaan Bani Umayyah (Nassar 1966, 230).

PANDANGAN ULAMA TERHADAP IBN ISHAQ

Para ulama mempunyai pandangan yang berbeza terhadap kethiqahan dan ke-autoritian Ibn Ishaq. Pandangan mereka terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu;

1. Golongan Ulama yang Menolak Ibn Ishaq

Antara ulama yang menolak Ibn Ishaq ialah Sulayman al-Taymy dan Wuhayb bin Khalid yang menyatakan: **هو كذاب .** Sementara itu Yahya bin Sa'id al-Qattan menyebut: **ما تركت حديثه إلا لله أشهد أنه كذاب** (Ibn. al-Jawzi 1986, 40). Hisham bin 'Urwah juga menyifatkan Ibn Ishaq: **كذاب** (al-Dhahabi 1953, 469) dan Malik bin Anas pula mengatakan: **هذا دحال من الدحاجلة، يروى عن اليهود** (al-Razi 1988, 193).

2. Golongan Ulama yang Bersikap Sederhana Terhadap Ibn Ishaq

Antara mereka ialah Abu al-Hasan al-Dar Qutni yang mengatakan: **هو صالح الحديث، ماله عندي دين إلا ما قد حثني في السيرة من الأشياء المنكرة المنقطعة والأشعار المكتوبة** (al-Dhahabi 1953, 469) dan Muhammad bin Abd 'Allah bin Numayr yang menyebut: **إذا حدث عن من سمع منه من المعروفي فهو حسن الحديث صدوق، وإنما أوثق من أنه يحدث عن الجمولي أحاديث باطلة** (al-Mizzī 1992, 419).

3. Golongan Ulama yang Memihak dan Mempertahankan Ibn Ishaq

Antara mereka ialah Sufyan bin 'Uyaynah yang menyatakan: **حالست ابن اسحاق منذ نصع وسعين سنة وما يتهمه أحد من أهل المدينة ولا يقول فيه شيئاً أجمع الكبار من أهل العلم على الأخذ** Abu Zurrah al-Dimashqi yang menyebut: **عنه منهم؛ سفيان وشعبة وابن عبيدة وحماد بن ريد وحمد بن سلمة وابن المبارك وإبراهيم بن سعد ووروى عنه من الأكابر؛ يزيد بن أبي حبيب، وقد اختبره أهل الحديث فرأوا صدقًا وخيرًا معه** (al-Dhahabi t.th., 19). Ini termasuklah Shu'bah bin al-Hajjaj yang mengatakan: **محمد بن اسحاق أمير المؤمنين في الحديث** (al-Baghdadi t.th.: 228-231). Sementara itu Muhammad bin Sa'd (t.th., 321) dan Salih bin Ahmad bin Abd 'Allah bin Salih al-Ijliyy telah menyifatkan beliau sebagai seorang yang *Thiqah*. Salah seorang ahli hadis terkemuka yang turut memihak kepada Ibn Ishaq ialah al-Bukhari yang menyatakan: **لَمْ أَحْدُ أَحْدًا يَهْمِّ إِبْرَاهِيمَ**

(Ibn Ishaq 1981, 29). Mengenai dakwaan yang mengatakan Ibn Ishaq berfahaman Qadariah (al-Dhahabi 1956, 173), Muhammad 'Abd 'Allah bin al-Numayr telah menafikannya dengan berkata: (وكان أبعد الناس منه) (al-Dhahabi 1971, 553).

PENILAIAN TERHADAP PANDANGAN ULAMA YANG MENOLAK IBN ISHAQ

Penolakan sebilangan ulama terhadap Ibn Ishaq memerlukan penilaian semula kerana sebahagian besar ulama terkemuka yang lain telah menerima beliau. Umpamanya Muhammad bin Muslim al-Zuhri, Shu'bah bin al-Hajjaj, Sufyan bin Sa'id al-Thawri dan Ziyad al-Bakka'i telah menyifatkan beliau sebagai seorang yang *Thiqah* dan tidak pernah menduduh atau mendakwa beliau dengan sesuatu yang tidak baik. Tambahan pula Muslim ada mengeluarkan hadis daripadanya dalam bab al-Mutabiqat dan al-Bukhari juga menjadikannya sebagai hujah di beberapa tempat dalam kitabnya. Abu Daud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan Ibn Majah didapati turut mengambil riwayat-riwayat beliau (Ibn Hisham t. th., 16-17).

Al-Khatib al-Baghdadi (t.th.: 214-234) telah mencatatkan sebuah riwayat yang menunjukkan 'Ali bin al-Madini menerima hadis Ibn Ishaq: **آخرى الأرھرى** قال ثنا عبد الرحمن بن عمر الخلال قال ثنا محمد بن أحمد بن يعقوب قال ثنا حدى قال سألت على ابن المدينى عن ابن إسحاق، قلت؛ كيف حديث محمد بن إسحاق عندك صحيح؟ **Al-Bukhari** juga menyatakan bahawa 'Ali bin 'Abd 'Allah telah membuat hujah dengan hadis Ibn Ishaq: **رأيت على بن** **عبد الله يتحجج بحديث ابن اسحاق**. **Sementara itu** Yahya bin Ma'in menyatakan: **كان ثقة، وكان ابن إسحاق ثُتٌ في الحديث** dan di dalam riwayat yang lain: **حسن الحديث**. Imam Ahmad bin Hanbal apabila ditanya mengenai hadis Ibn Ishaq, beliau menjelaskan: **هو حسن الحديث**. Al-Khatib al-Baghdadi turut mencatat sikap Muhammad bin Idris al-Shafi'i terhadap Ibn Ishaq dengan menyatakan: **وكان معهنا باب إسحاق كثير الذكر له، ينسنه إلى العلم والمعرفة والحفظ**.

Berdasarkan riwayat Ibn al-Jawzi (1986, 41) dapat diperhatikan bahawa pendirian Wuhayb bin Khalid yang menolak Ibn Ishaq hanyalah sebagai ikutan kepada dua orang tokoh ulama besar Madinah yang dikatakan mempunyai persengketaan dengan Ibn Ishaq iaitu Hisham bin 'Urwah dan Malik bin Anas. Dengan ini dapat dinyatakan bahawa sebahagian daripada mereka yang tidak menerima Ibn Ishaq adalah terdiri daripada pengikut serta penyokong Hisham bin 'Urwah dan Anas bin Malik yang merupakan ahli hadis berpengaruh. Mengenai hal ini, Ibn Hajar al-'Asqalani menyatakan: **وقد به سليمان التبيي، ويعنى القطان، وهيب بن حاقد، فاما وهيب والقطان فقلدا فيه هشام بن عروة ومالك، وأما سليمان التبيي**

. . . وَقَعَ الْكَلَامُ فِي أَبْنَى إِسْحَاقَ مِنْ رَوَايَتِهِ عَنْ فَاطِمَةِ حَتَّى قَالَ هَشَّامٌ: فَلَمْ يَتَبَيَّنْ لِأَيِّ سَبَبٍ تَكَلَّمَ فِيهِ، . . . أَنَّهُ كَدَابٌ، وَتَعَاهَدَ فِي ذَلِكَ مَالِكٌ، وَتَعَاهَدَ يَحْسَنُ بْنُ سَعِيدٍ، وَتَابَاعُوا بَعْدَ ذَلِكَ تَقْليِدًا لَهُمْ، . . .

Tambahan pula bidang hadis adalah berbeza daripada bidang sejarah dalam beberapa kaedah seperti metode periwayatan dan konsep al-Jarh wa al-Ta‘dil yang menyebabkan sebilangan ahli hadis menolak ahli-ahli sejarah.

Penolakan sebenar Hisham bin ‘Urwah terhadap Ibn Ishaq kerana beliau tidak menyetujui perbuatan Ibn Ishaq menemui isterinya Fatimah binti al-Mundhir dan meriwayatkan hadis-hadis daripadanya (al-Dhahabi 1953, 469). Hisham berkata: (al-Baghdadi t.th.. 222) dan di dalam riwayat yang lain: (Ibn al-Nadim 1985, 183). Dalam hal ini beberapa tokoh ulama telah mempertahankan kedudukan Ibn Ishaq. Yahya bin Ma‘in menyebut: وما يدرى هشام بن عمرو؟ أَوْ سَمِعَ مِنْهَا وَهُوَ صَاحِبٌ، أَوْ دَخَلَ أَبْنَى عَلَيْهَا فَحَدَثَهُ مِنْ وَرَاءِ حَحَابٍ، فَلَعِلَّهُ سَمِعَ مِنْهَا فِي الْمَسْجِدِ، أَوْ سَمِعَ مِنْهَا وَهُوَ صَاحِبٌ، أَوْ دَخَلَ أَبْنَى عَلَيْهَا فَحَدَثَهُ مِنْ وَرَاءِ حَحَابٍ، فَأَيُّ شَيْءٍ فِي هَذَا؟ وَقَدْ كَانَتْ اِمْرَأَةً قَدْ كَبَرَتْ وَأَسْتَ

الذى قال ابن هشام ليس بحجة، لعله دخل على امرأته وهو غلام فسمع منها (Ali bin al-Madini menyatakan: Ali bin al-Madini menyatakan: أَلْعَدُوا اللَّهَ الْكَدَابَ بِرَوْيِ عنْ امْرَأَتِي، مِنْ أَبْنَى رَاهَا (al-Baghdadi t.th.: 229). Jelas bahawa peristiwa ini berlaku disebabkan perasaan terlalu cemburu Hisham bin ‘Urwah, sedangkan isterinya lebih tua (37 tahun) daripada Ibn Ishaq. Pertemuan Ibn Ishaq dengan Fatimah binti al-Mundhir hanyalah sekadar untuk mengambil hadis-hadis sahaja, kerana Fatimah berkesempatan meriwayatkan daripada beberapa sahabat nabi. Di samping itu, beliau menganggap Fatimah sebagai salah seorang gurunya.

Malik bin Anas pula telah menyifatkan Ibn Ishaq sebagai Dajal apabila beliau mengetahui bahawa Ibn Ishaq mengkritiknya dengan berkata: أَعْرَضُوا عَلَى عِلْمِ مَالِكٍ بْنِ أَنْسٍ فَإِنِّي أَنَا يَبْطَلُهُ (al-Hamawi 1938, 7) dan dalam riwayat lain: هَاتُوا حَدِيثَ مَالِكٍ فَأَنَا طَبِيبُ بَعْلَهُ (Ibn. Khallikan 1972, 227). Perlu dijelaskan bahawa persengketaan antara mereka berdua bermula apabila Ibn Ishaq menafikan Malik bin Anas berasal daripada keturunan salah seorang raja Yaman iaitu Dhu Asbah. Ibn Ishaq menyatakan bahawa hubungan keluarga Malik bin Anas dengan raja tersebut hanyalah melalui ikrar taat setia sahaja dan bukannya pertalian darah. Ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati kepada Malik bin Anas. Perang mulut antara mereka berterusan sehingga sampai ke kemuncaknya setelah Malik menulis *Kitab al-Muwatta'* dan mendapat kritikan daripada Ibn Ishaq. Bagaimanapun, hubungan mereka berdua terjalin semula setelah Malik bin Anas mendengar berita bahawa Ibn Ishaq berhasrat untuk meninggalkan Madinah dan berhijrah ke Iraq. Malik bin Anas telah memberi sebanyak 50 Dinar kepada Ibn Ishaq untuk menampung perbelanjaannya di sana (Ibn Ishaq 1981, 23).

Malik bin Anas juga tidaklah menolak keseluruhan hadis Ibn Ishaq. Beliau hanya sekadar tidak menerima riwayat-riwayat Ibn Ishaq mengenai beberapa perperangan Rasulullah s.a.w. yang bersumberkan masyarakat Yahudi (Ibn Ishaq 1981, 23). Ibn Ishaq pula mempunyai hujah tersendiri ketika mencatatkan riwayat-riwayat tersebut kerana beliau mengambilnya daripada periwayat-periwayat Yahudi yang telah memeluk agama Islam. Beliau berpandangan bahawa mereka adalah antara sumber yang paling hampir dengan peristiwa-peristiwa tersebut dan mempunyai kaitan yang rapat dengannya.

Umumnya, dakwaan-dakwaan negatif terhadap Ibn Ishaq telah mendapat perhatian daripada kalangan ulama silam serta moden seperti Ibn Sayyed al-Nas dan Prof. Dr. Muhammad Hamid ‘Allah setelah mereka mengulas serta mempertahankan kedudukan beliau. Secara keseluruhannya dapat dinyatakan tidak semua ulama menolak riwayat-riwayat Ibn Ishaq. Kontroversi beliau kebanyakannya adalah dengan ahli hadis yang begitu teliti dan berbeza metodologi mereka berbanding dengan ahli sejarah. Sesungguhnya ilmu dan pengetahuan Ibn Ishaq telah mendapat pengiktirafan. Muhammad bin Muslim al-Zuhri menyebut: لا يزال مالدينة علم حم ما كان فيها ابن اسحاق (al-Suhayli 1967, 22).

PANDANGAN ORIENTALIS TERHADAP IBN ISHAQ

Kebanyakan orientalis telah mengiktiraf dan mengakui ketokohan serta kewibawaan Ibn Ishaq dalam bidang sejarah terutamanya mengenai riwayat hidup Rasulullah s.a.w. Mereka itu termasuklah Josef Horovitz (1927, 169) yang berpendapat berpendapat bahawa *Kitab al-Mubtada' wa al-Mab'ath wa al-Maghazi* memperlihatkan kefahaman Ibn Ishaq yang lebih luas tentang Sirah dan Maghazi Rasulullah s.a.w. Kitab ini merangkumi sejarah para nabi sebagai pendahuluan dan perihal para sahabat serta keseluruhan isi kandungannya ditulis mengikut kaedah yang bersistematik. H.A.R Gibb (1981, 57) pula menafikan hasil karya Ibn Ishaq ini dibuat berdasarkan pengaruh pensejarahan Parsi. William Montgomery Watt (1990, 22) turut menafi dan mempertahankan kedudukan Ibn Ishaq yang dituduh berpegang kepada fahaman Syiah dan Qadariah. Sementara itu Francesco Gabrieli (1979, 83) menyatakan pensejarahan Ibn Ishaq adalah berautoriti.

PENUTUP

Ibn Ishaq adalah sejarawan aliran Madinah yang telah membawa penulisan Sirah dan Maghazi Rasulullah s.a.w. ke kemuncaknya melalui tapak dan asas yang disediakan oleh ‘Urwah bin al-Zubayr dan Muhammad bin Muslim al-Zuhri. Kaedah pembahagian kitab beliau kepada tiga tajuk utama, iaitu al-Mubtada’, al-Mab’ath dan al-Maghazi mendapat reputasi meluas dan menjadi ikutan serta trend penulisan bagi kebanyakan sejarawan terkemudian, seperti ‘Abd al-Malik bin Hisham di dalam *Kitab al-Sirah al-Nabawiyah* dan Abu

Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari menerusi Kitab Tarikh al-'Ummah wa al-Muluk. Penggabungan antara riwayat-riwayat hadis dan riwayat-riwayat berunsur *Isra'iliyyat* serta kisah-kisah rakyat yang diselangga dengan puisi menjadikan penulisan Ibn Ishaq lebih komprehensif. Ini kerana ia meliputi pelbagai maklumat sama ada daripada sumber Islam, Ahl al-Kitab atau masyarakat setempat. Penyusunan peristiwa-peristiwa berasaskan kronologi dan di antaranya wujud kesinambungan plot penceritaan memperlihatkan penulisan beliau yang kemas dan rapi.

Adalah tidak begitu tepat menyatakan penulisan Ibn Ishaq tidak menitikberatkan *isnad* kerana kaedah penggunaan *isnad* beliau adalah berbeza berdasarkan zaman dan kategori riwayat-riwayat serta kepentingan data-data yang dicatatkan. Ibn Ishaq mempunyai hujah yang tersendiri apabila seringkali memuatkan bahan-bahan daripada Ahl al-Kitab dan banyak memasukkan puisi ke dalam penulisannya. Kontroversi beliau kebanyakannya adalah dengan ahli hadis yang begitu berbeza metodologi mereka dengan ahli sejarah. Bagaimanapun hal ini tidaklah menjelaskan kredibiliti Ibn Ishaq dalam pensejarahan Islam, kerana sesungguhnya keunggulan ilmu dan pengetahuan beliau dalam bidang tersebut telah mendapat pengiktirafan al-Zuhri dan Imam al-Shafe'e. Sebahagian besar daripada ahli-ahli hadis seperti Sufyan bin 'Uyaynah, Abu Zur'ah al-Dimishqi, Shu'bah bin al-Hajjaj, al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, Abu Daud dan Ibn Majah turut menerima riwayat-riwayat beliau. Nyatalah bahawa kelainan kaedah penulisan Ibn Ishaq dan pengambilan sumbernya daripada Ahl al-Kitab menyebabkan beliau tidak disenangi oleh sesetengah kalangan ulama. Ini mengakibatkan timbulnya penyelewengan pentafsiran terhadap beliau dan tersebarinya segala bentuk tuduhan mengenai dirinya. Sebilangan daripada sarjana Barat juga telah mengakui kewibawaan Ibn Ishaq dalam penulisan tersebut. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa Ibn Ishaq adalah sejarawan berautoriti yang telah memberikan sumbangan besar dalam bidang pensejarahan Islam.

RUJUKAN

- Abu Shuhbah, Muhammad bin Muhammad. 1992. Jil. 1. Ed. ke-2. *al-Sirah al-nabawiyyah fi daw' al-qur'an wa al-sunnah*. Dimishq: Dar al-Qalam.
- Adham, 'Ali. 1974. *Baqd al-mu'arrikhi al-'Islam*. t. tp.. al-Mu'assasat al-'Arabiyyah lil Dirasat wa al-Nashr.
- Amin, Ahmad. t. th. *Duha al-'Islam*. Ed. ke-10. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- al-Andalusi, al-Bakry. 1983. *Mujam ma istajam min asma' al-bilad wa al-mawadi'* Jil. 4. Ed. ke-3. Beirut: 'Alim al-Kutub.
- al-'Asadi, Nasir al-Din. 1982. *Masadir al-she'r al-jahili wa qimatuhu al-tarikhiiyah*. Ed. ke-6. al-Qaherah: Dar al-Ma'arif.
- al-Baghdadi, al-Khatib. t.th. *Tarikh Baghdad*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Dhababi, Shams al-Din. 1971. *al-Mughni fi al-duafa' wa al-matrakin*. Syria: Dar al-Ma'arif.

- _____. 1985. *Siyar 'A'lam al-nubala'*. Jil. 4. Ed. ke-3. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- _____. 1985. *Tarikh al-'Islam wa tabaqat al-mashahir wa al-'a'lam*. Jil. 1. al-Qaherah: Dar al-Kitab al-Misri.
- _____. 1953. *Mizan al-'i'tidal fi naqd al-rijal*. Jil. 4. Misr: Matba'at 'Isa al-Babi al-Halabi.
- _____. 1956. *Tadhkirat al-huffaz*. Jil. 1. Ed. ke-3. Hayderabad: Da'irat al-Ma'arif al-Uthmaniyyah.
- _____. t.th. *al-Kashif fi ma'rifat man lahu riwayat fi al-kutub al-sittah*. Misr: Matba'at Dar al-Ta'lif.
- al-Duri, 'Abd. al-'Aziz. 1960. *Bahth fi nash'at 'ilm al-tarikh 'ind al-'arab*. Beirut: al-Matba'at al-Kathulikiyah.
- Gabrieli, Francesco. 1979. Arabic Historiography. *Islamic studies*. 18 (2): 81-95.
- Gibb, H.A.R. 1981. *'Ilm al-tarikh*. Terj. Ibrahim Khurshid. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- _____. 1964. *Dirasat fi hadarat al-'Islam*. Terj. Ihsan 'Abbas. Beirut: Dar al-'Ilm lil Malayin.
- Guillaume, A. t. th. *The life of Muhammad*. Ed. ke-2. Karachi: Pakistan Branch Oxford University Press.
- al-Hamawi, Yaqut. 1938. *Mu'jam al-'udaba*. Jil. 18. t.tp.. Dar al-Ma'mun.
- _____. 1984. *Mu'jam al-buldan*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Horovitz, Josef. 1927. The Earliest Biographies Of The Prophet And Their Authors. *Islamic culture*. 1: 535-559.
- Ibn. Hajar al-'Asqalani. 1970. *Tahdhib al-tahdhib*. Jil. 1. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn. Hisham, Abu Muhammad 'Abd. al-Malik. t.th. *al-Sirah al-nabawiyah*. Jil. 1 & 2. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Ibn. al-'Imad, Abu al-Falah 'Abd. al-Hayy. t.th. *Shadharat al-dhahab fi akhbar man dhahab*. Jil. 1. Beirut: al-Maktab al-Tijari.
- Ibn Ishaq, Muhammad. 1981. *Sirah Ibn Ishaq al-musammah bi kitab al-mubtada' wa al-mab'ath wa al-maghazi*. al-Maghrib: Matba'at Muhammad al-Khamis.
- Ibn. al-Jawzi. 1986. *Kitab al-du'a'fa' wa al-matrakin*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Ibn. Khallikan. 1972. *Wafayat al-'a'yan wa anba' abna' al-zaman*. Beirut: Dar al-Thaqafah.
- Ibn. al-Nadim, Abu al-Faraj Muhammad. 1985. *al-Fihrist*. t.tp.. Dar al-Qatari bin al-Fuja'ah.
- Ibn. Sa'd, Muhammad. t.th. *al-Tabaqat al-kubra*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn. Sayyed al-Nas. 1974. *'Uyun al-'athar fi funun al-maghazi wa al-shama'il wa al-siyar*. Jil. 1. Ed. ke-2. Beirut: Dar al-Jayl.
- Kahhalah, 'Umar Rida. 1972. *al-Tarikh wa al-joghrafiyyah fi al-'usur al-wusta*. Dimishq: al-Matba'ah al-Ta'awuniyyah.
- Kashif, Sayyedah Isma'il. 1983. *Masadir al-tarikh al-'Islami wa manhaj al-bahth fihi*. Beirut: Dar al-Ra'id al-'Arabi.
- Lewis, B., Menage, V.L., Pellat C.H. & Schacht J. 1971. *The encyclopaedia of Islam*. Jil. 3. Laiden: E.J. Brill.
- al-Mizzi, Jamal al-Din Abi al-Hajjaj Yusuf. 1992. *Tahdhib al-kamal fi asma' al-rijal*. Jil. 24. Beirut: Muassasat al-Risalah.

- Mustafa, Shakir. 1979. *al-Tarikh al-‘arabi wa al-mu’arrikhun*. Beirut: Dar al-‘Ilm lil Malayin.
- Nassar, Husin. 1966. *Nash’at al-kitabah al-fanniyah fi al-adab al-‘arabi*. Ed. ke-2. al-Qaherah: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah.
- Rayan, Raja'i. 1986. *Madkhal li dirasah al-tarikh*. ‘Amman: Dar Ibn Rushd.
- al-Razi, Abu Hatim. 1988. *Kitab al-jarah wa al-ta‘dil*. Jil. 7 Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Salmi, Muhammad bin Samil. 1988. *Manhaj kitabat al-tarikh al-‘Islamu wa tadrishihi*. al-Mansurah: Dar al-Wafa’ lil Tiba‘ah.
- al-Suhayli, ‘Abd. al-Rahman. 1967. *al-Rawd al-‘unuf*. Jil. 1. al-Qaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah.
- al-Tabari, Abu Jafar Muhammad bin Jarir. 1964. *Tarikh al-rusul wa al-muluk*. Jil. 3. Netherlands: E.J. Brill.
- _____. 1991. *Tarikh al-Tabari - Tarikh al-umam wa al-muluk*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Tahhan, Mahmud. 1987. *Taysir mustalah al-hadith*. Ed. ke-8. al-Riyad: Maktabat al-Ma‘arif.
- Watt, W. Montgomery. 1990. *Early Islam*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor Darul Ehsan